Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

SEPTEMBER
2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

TAKLIMAT KESIHATAN:
TEKNIK CPR, KESAN JEREBU DAN STROK HABA

14 Sept 2026
Oleh : Ayuzawahie Amran



Penceramah sedang memberi penerangan berkenaan bayi tersedak susu





DUNGUN, 14 September – Taklimat Kesihatan yang memberi penekanan kepada teknik CPR, kesan jerebu dan strok haba telah berlangsung pada 14 September 2026 (Isnin), jam 8.00 malam bertempat di Masjid Ar-Rahman, Pulau Perhentian. Program ini bertujuan meningkatkan pengetahuan dan kesedaran komuniti setempat mengenai aspek kesihatan serta tindakan awal yang perlu diambil ketika berhadapan dengan situasi kecemasan.

Taklimat telah disampaikan oleh Encik Ahmad Tuan Cob dan Encik Wan Mohd Faiz Wan Ahmad, Penolong Pegawai Perubatan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT). Para peserta diberikan pendedahan mengenai teknik Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) serta langkah awal yang boleh dilakukan bagi membantu mangsa ketika kecemasan. Perkongsian turut merangkumi kesan jerebu terhadap kesihatan dan langkah pencegahan strok haba.

Selain itu, taklimat ini turut menyentuh aspek keselamatan bayi, khususnya langkah pencegahan dan tindakan awal apabila bayi mengalami situasi tersedak susu. Pengetahuan mengenai bantuan kecemasan amat penting bagi membolehkan masyarakat bertindak dengan lebih yakin dan teratur sementara menunggu bantuan perubatan tiba.

Penganjuran program ini diharap dapat meningkatkan kesiapsiagaan masyarakat dalam menghadapi kecemasan, di samping memupuk kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan dan keselamatan diri serta keluarga.

SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI